



MAJLIS BANDARAYA
JOHOR BAHRU



QR CODE
(PENERBITAN RASMI MBJB)

LENSA

Bandar Raya JB



LENSA MBJB BIL. 3/2021

SEPTEMBER - DISEMBER 2021



PELANCARAN SKUAD KILAT MBJB



SESI LIBAT URUS YAB MENTERI BESAR JOHOR & KEPIMPINAN JOHOR BAHRU



PELANCARAN PELAN HALA TUJU & BUKU PANDUAN KEBUN KOMUNITI



SOUTHERN VOLUNTEERS MJB
SERTAI MISI BANTUAN BANJIR

- 4 : ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MBBJ & SANJUNGAN BUDI
- 5 : LAWATAN DATUK BANDAR KE MUZIUM TIONG HUA
- 6 : PELANCARAN PELAN HALA TUJU & BUKU PANDUAN KEBUN KOMUNITI
- 7 : PERASMIAN FESTIVAL ORANG MUDA JOHOR
- 8 : INFO LAWATAN
- 9 : INFO KURSUS
- 10 : MAJLIS PENYERAHAN SISTEM KUMBAHAN KEPADA IWK
- 11 : MAJLIS PENYERAHAN HADIAH CABUTAN BERTUAH CUKAI HARTA
- 12&13: KILAS LENSEA
- 14 : PELANCARAN KEBUN BANDAR
- 15 : 'THE GREATER JB'
- 16&17 : PROGRAM AHLI MAJLIS & LA21
- 18 : LAWATAN KERJA PENGURUSAN MBBJ KE CAMERON HIGHLANDS
- 19 : PERASMIAN PUSAT KOMUNITI KAMPUNG BAKAR BATU
- 20&21 : MBBJ SANA SINI
- 22 : SOUTHERN VOLUNTEERS MBBJ SERTA MISI BANTUAN BANJIR
- 23 : PELANCARAN SKUAD KILAT MBBJ

SIDANG PENGARANG 'LENSA BANDAR RAYA JB'

PENAUNG

Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman
Datuk Bandar

PENASIHAT 1

Haji Miswan bin Yunus
Setiausaha

PENASIHAT 2

Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad
Timbalan Setiausaha

KETUA PENGARANG

Encik Mohamad Khairulnauar bin Esa

SIDANG PENGARANG

Encik Muhammad Iqbal Arami bin Mohamed Sharif
Puan Hidayah binti Yusof
Cik Nurul Shafina binti Shaari
Puan Norasmah binti Mohd Adros

JURUFOTO

Haji Bahri bin Abdullah
Encik Romzi bin Yusof

URUS SETIA

*Unit Penerbitan,
Bahagian Korporat dan
Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.*

LENSA BANDAR RAYA JB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan diedarkan secara PERCUMA. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan ideaberupa artikel, cadangan atau komen daripada anda. Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada:

**Unit Penerbitan,
Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru**

HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

JABATAN / BAHAGIAN

NO TELEFON

PEJABAT DATUK BANDAR	07-228 2600
PEJABAT SETIAUSAHA	07-228 2626
PEJABAT TIMBALAN SETIAUSAHA	07-228 2510
UNIT ADUAN	07-228 2532
TALIAN ADUAN	07-219 8000
TALIAN BEBAS TOL	1-300-88-0146
BAHAGIAN KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM	07-219 8055
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	07-219 8070
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT	07-219 8039
BAHAGIAN PELESENAN	07-219 8289
BAHAGIAN PELESENAN (IKLAN)	07-219 8297
BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)	07-219 8273
UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)	07-219 8285
BAHAGIAN HASIL	07-219 8028
BAHAGIAN PERBELANJAAN	07-219 8091
BAHAGIAN UKUR BAHAN	07-219 8042
JABATAN PENILAIAN (PEJABAT PENGARAH & PENSWASTAAN)	07-219 8225
JABATAN PENILAIAN (UNIT TUNGGAKAN CUKAI HARTA)	07-219 8233
JABATAN PENILAIAN (UNIT TEKNIKAL/UNIT PENILAI)	07-219 8232
JABATAN PENILAIAN (PENGURUSAN HARTA)	07-219 8219
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA	07-219 8184

JABATAN / BAHAGIAN

NO TELEFON

UNIT DASAR, INOVASI & LATIHAN	07-219 8159
UNIT HAL EHWAL ISLAM	07-219 8210
BAHAGIAN PENTADBIRAN	07-219 8170
BAHAGIAN UNDANG-UNDANG	07-219 8256
BAHAGIAN AUDIT DALAM	07-219 8268
UNIT INTEGRITI	07-219 8117
UNIT MESYUARAT	07- 219 8022
JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN	07-219 8241
JABATAN PERANCANG (KAWALAN PERANCANGAN)	07-219 8217
JABATAN PERANCANG (RANCANGAN PEMAJUAN & PENGANTARABANGSAAN)	07-219 8245
BAHAGIAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS)	07-219 8197
JABATAN KAWALAN BANGUNAN	07-219 8119
BAHAGIAN PENGUATKUASAAN BANGUNAN	07-219 8206
BAHAGIAN PROJEK BANGUNAN	07-219 8145
JABATAN KERJA AWAM (BAHAGIAN KERJA AWAM)	07-219 8101
BAHAGIAN SALIRAN	07-219 8125
BAHAGIAN JALAN	07- 219 8135
JABATAN PENGANGKUTAN BANDAR	07-227 7235
JABATAN KESIHATAN	07- 228 2564
JABATAN PENGUATKUASAAN	07-227 1041



JOM BAYAR CUKAI HARTA MBBJ!

Tahukah anda, selain pembayaran di kaunter-kaunter MBBJ, pembayaran cukai harta juga boleh dibuat di kiosk yang telah disediakan di Pejabat MBBJ Jalan Dato' Onn, Kaunter Setempat MBBJ Jalan Dato' Onn dan di Bangunan JOTIC, Jalan Ayer Molek, Johor Bahru.

Anda juga boleh membuat pembayaran secara dalam talian (online) melalui:

- i) JomPay (Biller Code: 4317):
<https://www.jompay.com.my>
- ii) Johor Online Payment:
<https://onlinepayment.johor.gov.my>
- iii) e-Khidmat: johor.ekhidmat.my/ekhidmat/
- iv) Perbankan online (semua bank kecuali HSBC & Citibank).

Untuk maklumat lanjut berkenaan tunggakan cukai harta, sila hubungi Bahagian Tunggakan Cukai Harta MBBJ di talian 07-2239962 atau ikuti laman Instagram & Facebook melalui carian 'Tunggakan Cukai Harta MBBJ'.

Pegawai : Cukai harta kena bayar Cik. Bayar awal lagi bagus !!

Pembayar Cukai : Apa pasal awal bagus?

Pegawai : Kalau jalan berlubang, dengan duit cukai la kita tampal itu lubang

Pembayar Cukai : Kalau saya bayar lambat??

Pegawai : Itu lubang tampal tahun depanlah !!

Pembayar Cukai : Oh macam tu ka??



APC
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
2020

Anugerah PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2020 & SANJUNGAN BUDI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

6 SEPTEMBER 2021 (ISNIN) BERSAMAAN 28 MUHARAM 1443H
DEWAN KENANGA, ARAS 2 MEMARA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG & SANJUNGAN BUDI



Pada 6 September 2021, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2020 dan Sanjungan Budi yang dilaksanakan secara dalam talian. Seramai 107 warga kerja MBJB telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, 29 warga kerja menerima Anugerah Khidmat Bakti dan 20 warga kerja menerima penghargaan sempena persaraan. MBJB mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penerima anugerah. Semoga anugerah yang diterima menjadi pemangkin kepada budaya kerja yang cemerlang, efisien dan berintegriti demi kepentingan seluruh warga bandar raya Johor Bahru.

“Kecemerlangan seseorang itu bukan sahaja harus diiktiraf dan diraikan, malah lebih penting lagi kecemerlangan itu harus dipanjangkan. Saya percaya bahawa seorang pekerja yang cemerlang, harus berusaha untuk memastikan orang di sekelilingnya juga turut sama cemerlang.

Saya telah menekankan pentingnya untuk kita semua memberi fokus kepada pelaksanaan Pelan Strategik MBJB 2021-2025. Hal ini kerana warga kerja sebenarnya adalah sebahagian daripada Pelan Strategik itu dan hanya boleh dicapai jika seluruh warga kerja jelas, faham dan menghayati agenda organisas.

”



LAWATAN DATUK BANDAR KE MUZIUM TIONG HUA DAN LALUAN KEBUDAYAAN TAN HIOK NEE JOHOR BAHRU



Pada 5 Oktober 2021, YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), bersama-sama Encik Suhaimi bin Ahmad, Ahli Majlis Zon Bandar, telah mengadakan lawatan di Muzium Warisan Tiong Hua dan Laluan Kebudayaan Tan Hiock Nee di pusat bandar Johor Bahru.

YB Datuk Bandar juga berkesempatan mengadakan 'walkabout' bagi meninjau keadaan persekitaran pusat bandar raya yang memerlukan pemulihan dan penambahbaikan. Antara perkara yang turut dibincangkan adalah berkaitan usaha ke arah pengindahan sepanjang Jalan Tan Hiock Nee. Turut hadir sama ialah Ahli Majlis MBJB Encik Ang Boon Heng, Encik Pannir Selvam dan ketua jabatan MBJB.



SESI MEMUKTAMADKAN BANCI MALAYSIA 2020 MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Sesi Memuktamadkan Banci Malaysia 2020 Majlis Bandaraya Johor Bahru telah diadakan pada 10 Oktober 2021 di Dewan Inai Merah, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru. Tahiah diucapkan kepada YB Dato' Haji Mohd Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru, YBrs Tuan Haji Miswan bin Yunus merangkap Penolong Pesuruhjaya 4, YBrs Ir Hajah Nazatul Shima binti Mohamad selaku Penolong Pesuruhjaya 2, YB Dato' Haji Adib Azhari bin Daud mantan Penolong Pesuruhjaya 2, YBrs Encik Abdul Malik bin Haji Ismail mantan Penolong Pesuruhjaya 4, Penguasa Daerah, MyAD, MyCD dan semua ahli Jawatankuasa Pelaksanaan Banci Daerah (JKPBD) MBJB atas usaha melengkapkan bancian di kawasan MBJB.

Turut hadir ke sesi tersebut ialah YBrs Encik Wan Mohd Shahrulnizam bin Wan Mohd Najuri, Pengarah Perangkaan Negeri Johor dan Puan Rosnah binti Abu Nasir selaku MyAD Johor Bahru 1. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada semua penduduk dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru kerana telah membantu menjayakan program Banci Malaysia 2020.





PELANCARAN PELAN HALA TUJU & BUKU PANDUAN KEBUN KOMUNITI PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI JOHOR

Majlis Pelancaran Pelan Hala Tuju dan Buku Panduan Kebun Komuniti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor telah disempurnakan oleh YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor pada 12 Oktober 2021, di Kebun Komuniti Rukun Tetangga Projek Perumahan Rakyat Taman Sri Stulang. Majlis pelancaran ini turut dihadiri oleh Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pasir Gudang, Setiausaha Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai, Setiausaha Bahagian, Setiausaha Kerajaan Johor (SUKJ) Perumahan, Setiausaha Bahagian SUKJ Bahagian Kerajaan Tempatan serta barisan Ahli Majlis MBBJ.



Program kebun komuniti di negeri Johor merupakan kolaborasi antara PBT, SUKJ Bahagian Perumahan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Iskandar Regional Development Authority. Bagi melancarkan pelaksanaan kebun komuniti, Pelan Hala Tuju dan Buku Panduan Kebun Komuniti ini dihasilkan sebagai rujukan komuniti PBT di negeri Johor. Buku ini diterbitkan hasil kerjasama bersama pihak UTM. Sehingga kini, kebun komuniti yang aktif dalam kawasan MBBJ adalah sebanyak 20 bidang kebun.


SESI LIBAT URUS YAB MENTERI BESAR JOHOR BERSAMA KEPIMPINAN DAERAH JOHOR BAHRU BERSEMPENA BELANJAWAN JOHOR 2022



Sebuah Sesi Libat Urus YAB Menteri Besar Johor Bersama Kepimpinan Daerah Johor Bahru Bersempena Belanjawan Johor 2022 telah diadakan di Menara MBBJ, Bukit Senyum pada 17 Oktober 2021 lalu. Turut hadir dalam sesi berkenaan ialah YB Setiausaha Kerajaan Johor, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor, Pegawai Kewangan Negeri serta Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan. Dalam sesi ini juga, YAB Menteri Besar Johor telah diberi penerangan berkaitan Pelan Pembangunan Mampaan Johor Bahru (perancangan jangka pendek tahun 2022) yang merangkumi 27 inisiatif di bawah tiga (3) teras iaitu mampaan ekonomi, mampaan persekitaran dan mampaan sosial. Kesemua inisiatif yang dibentangkan ini bakal dilaksanakan oleh tiga Pihak Berkuasa Tempatan di daerah Johor Bahru iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan Majlis Bandaraya Pasir Gudang pada tahun 2022.

**Perasmian
FESTIVAL ORANG MUDA
JOHOR (OMJ FEST) 2021**

3



OMJ Fest atau Festival Orang Muda Johor merupakan inisiatif kerajaan negeri Johor dalam merakyatkan sukan serta menyediakan wadah untuk rakyat beraktiviti dan menyemarakkan lagi gaya hidup sihat. Bagi menyokong hasrat tersebut, sebuah Majlis Perasmian Festival Orang Muda Johor (OMJ Fest) 2021 peringkat negeri telah diadakan di Tunku Mahkota Ismail Youth Centre (TMIYC) Johor Bahru pada 20 November 2021. Perasmian program tersebut telah selamat disempurnakan oleh DYAM Tunku Ismail Idris ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor. OMJ Fest mula dilancarkan pada 13 November 2021 di peringkat negeri dan serentak dirasmikan di peringkat daerah. Konsep pelaksanaan program ini adalah secara hibrid dengan sasaran penyertaan sebanyak 50,000 hingga 100,000 orang. OMJ Fest meliputi kategori program seperti sukan dan kecergasan, kemahiran dan keusahawanan, pendidikan dan kepimpinan, kreatif dan kesenian serta keagamaan.

MBJB ANJUR PROGRAM SEMPERNA FESTIVAL ORANG MUDA JOHOR (OMJ FEST) 2021

Bersempena Festival Orang Muda Johor (OMJ Fest) 2021, MBJB tidak ketinggalan mengadakan beberapa program antaranya Pertandingan 'Johor Bahru Calisthenics Competition Vol. 1', 'Pumtrack Race Battle Duo' dan 'Berm & Jump Line Time Attack', Kelas 'Doodle' dan Seni Lukis serta 'Lego Serious Play Problem Solving', Pertandingan Dakwah/ Dai, Program Pengindahan Sungai/ Gotong-Royong dan Program Gaya Hidup Sihat (Metabolic Syndrome Selepas PKP) Bersama Kevin Zahri.

1

Pertandingan 'Johor Bahru Calisthenics Competition Vol. 1'


Tarikh : 11 Disember 2021
Terbuka kepada 30 orang peserta berumur dari 15 – 25 tahun yang terdiri daripada penggiat sukan 'calisthenics' iaitu latihan senaman yang hanya menggunakan berat badan sendiri.



2

Bengkel Lukisan Doodle dan Lukisan Karakter

Tarikh : 3 Disember 2021 & 10 Disember 2021
Memberi pendedahan dan pengetahuan berkenaan kemahiran melukis garisan asas untuk lukisan doodle dan lukisan karakter di samping meningkatkan kemahiran psikomotor terutama dalam kalangan kanak-kanak.



'Pumtrack Race Battle Duo' dan 'Berm & Jump Line Time Attack'

Tarikh : 18 Disember 2021



4

Semarak Cinta Rasul 2021 Sempena Sambutan Maulidur Rasul 1443H

- Pertandingan Berzanji Dalam Talian
- Pertandingan e-Dai Dalam Talian
- Pertandingan Azan & Tarhim Atas Talian

Tarikh : 26 - 28 Disember 2021

Seramai 160 peserta terlibat dalam program yang membudayakan sunnah dalam kehidupan melalui penghayatan sirah, selawat dan hadis-hadis nabi ini. Menilai bakat warga bandar raya yang terlibat dalam memperkasa budaya ilmu melalui acara berunsur ilmiah.



6

Program Pengindahan Sungai/ Gotong-Royong

Program gotong-royong di persisiran Sungai Skudai melibatkan Jabatan Pengairan Saliran, Southern Volunteers, Ahli Majlis Zon Tampoi dan Komuniti Taman Tampoi Utama. Objektif program untuk mengindahkan dan mendidik komuniti menghargai alam sekitar terutamanya kawasan sungai yang menjadi punca air untuk kehidupan seharian.


5



Program Gaya Hidup Sihat (Metabolic Syndrome Selepas PKP) Bersama Kevin Zahri dan Pegawai Sains (Pemakanan)

Tarikh : 02 Disember 2021

Peserta terdiri daripada anggota MBJB seramai 350 orang dan 50 orang wakil Ahli Jawantankuasa Penduduk (JKP) bagi setiap zon Ahli Majlis MBJB.





LAWATAN DARI DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
Tarikh: 10 November 2021
Jabatan Terlibat: Jabatan Perancangan Pembangunan



LAWATAN DARIPADA TUAN YANG TERUTAMA DUTA BESAR FINLAND KE MALAYSIA, DI LOJI RAWATAN KUMBAHAN BERSEPADU (CSTP) SUNGAI SEGGET
Tarikh: 11 November 2021
Jabatan Terlibat: Bahagian Saliran dan Pengurusan Sungai



LAWATAN DARI MAJLIS BANDARAYA KUANTAN
Tarikh: 14 November 2021
Jabatan Terlibat: Jabatan Pelesenan



LAWATAN DARI MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI
Tarikh: 15 November 2021
Jabatan Terlibat: Bahagian Perpustakaan Sultan Ismail



LAWATAN DARI JABATAN KERJA RAYA
Tarikh: 23 November 2021
Jabatan Terlibat: Jabatan Kerja Awam



LAWATAN DARI MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
Tarikh: 23 Disember 2021
Jabatan Terlibat: Jabatan Landskap dan Jabatan Perancangan Pembangunan

INFO LAWATAN

INFO KURSUS



KURSUS SEMANGAT KERJA BERPASUKAN

Tarikh: 1 November 2021

Objektif : Mendedahkan para peserta berkenaan kemahiran bekerja secara berkumpulan mengikut peranan yang telah ditetapkan.



BENGKEL PENGURUSAN & PENYEDIAAN LAPORAN PROJEK

Tarikh: 9 November 2021

Objektif : Berkongsi pengetahuan kepada peserta mengenai kaedah penyediaan laporan projek yang lengkap dan kemas mengikut format yang ditetapkan.



KURSUS PENGURUSAN PUSAKA ISLAM

Tarikh: 22 November 2021

Objektif : Menyampaikan ilmu pengetahuan kepada peserta tentang kaedah yang benar dalam pengurusan harta pusaka melalui faraid dalam Islam.



BENGKEL PENGURUSAN RISIKO

Tarikh: 28 November 2021

Objektif : Memberi kesedaran kepada peserta tentang kepentingan pengurusan risiko bagi mewujudkan persekitaran tempat kerja yang selamat dan kondusif.



MAJLIS PENYERAHAN SISTEM KUMBAHAN AWAM MJBK KEPADA INDAH WATER KONSORTIUM SDN. BHD.

Majlis Penyerahan Sistem Kumbahan Awam Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) kepada pihak Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. telah diadakan pada 29 November 2021 lalu. Melalui penyerahan ini, sebanyak 98 loji rawatan kumbahan termasuk 1 Loji Rawatan Bersepadu (CSTP) Sungai Segget dan 38 buah rumah pam untuk rangkaian paip pembetungan di bawah seliaan MBJB akan diserahkan operasinya kepada pihak Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) mulai 1 Disember 2021. Bermula dari tarikh ini juga, semua sistem kumbahan awam akan diuruskan oleh pihak IWK dan segala permasalahan dan aduan oleh orang awam boleh dirujuk terus kepada pihak IWK.

Penyerahan ini dilaksanakan sebagaimana dasar Kerajaan Malaysia untuk menyeragamkan operasi penyelenggaraan sistem kumbahan oleh syarikat pembetungan nasional IWK Sdn. Bhd. di seluruh Semenanjung Malaysia. Pihak IWK juga mempunyai kepakaran yang khusus dalam pengoperasian sistem kumbahan awam dengan keanggotaan dan kelengkapan yang mencukupi. Melalui penyerahan ini, loji-loji lama yang sedia ada akan dibaiki dan dinaiktaraf kepada sistem yang lebih baik dan efisien agar efluen yang dilepaskan ke saluran-saliran utama mematuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar.

'IWK CARES': KHIDMAT MASYARAKAT TANDA PRIHATIN

Pada 17 September 2021, telah diadakan sebuah Program Khidmat Masyarakat 'IWK Cares' anjuran Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. Program komuniti ini diadakan dengan pelaksanaan beberapa kerja nyahenap cemar dari tangki septik di rumah-rumah yang terpilih, di samping edaran sumbangan dalam bentuk makanan. Anjuran program ini diharapkan dapat memberi galakan kepada pihak lain untuk terus menghulurkan bantuan kepada golongan masyarakat terutamanya yang terkesan dengan pandemik COVID-19 ini.





Majlis Penyerahan Hadiah Cabutan Bertuah Cukai Harta MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU 2020

Pada 30 November 2021, YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), telah menyampaikan 45 buah hadiah utama termasuk hadiah utama sebuah Perodua Aruz dan motosikal Yamaha Y15 kepada para pemenang Cabutan Bertuah Cukai Harta MBJB Tahun 2020 seurus selesai Mesyuarat Penuh Bulanan di Menara MBJB Bukit Senyum.

Sebanyak 113,229 akaun pembayar cukai harta dalam kawasan MBJB layak menyertai cabutan bertuah ini di mana sebanyak 36,674 akaun pemilik ialah warga bandar raya yang telah membayar secara dalam talian, manakala 76,465 akaun pemilik ialah warga bandar raya yang menggunakan kaedah bayaran lain seperti bayaran di kaunter MBJB, kaunter UTC dan sebagainya. Cabutan bertuah ini hanya layak bagi warganegara Malaysia selaku pemilik yang telah menjelaskan bayaran cukai harta sebelum 31 Oktober 2020, pemilik yang telah melengkapkan pendaftaran pindah milik (Borang I) dan merupakan pemilikan individu.

MBJB telah menyediakan sebanyak 45 buah hadiah bagi Cabutan Bertuah Cukai Harta Tahun 2020 ini, dengan nilai keseluruhan sebanyak RM 200,600.00



BINTANG MAYA BANDARAYA 2021 SERLAH BAKAT PESERTA

Pertandingan Bintang Maya Bandaraya 2021 Peringkat Akhir telah diadakan pada 4 Disember 2021 bertempat di Panggung Cempaka, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru. Seramai tujuh orang peserta yang layak ke peringkat akhir telah membuat persembahan nyanyian dua buah lagu iaitu lagu bebas dan lagu tradisional Johor seperti zapin dan ghazal.

Majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru. Turut hadir memeriahkan majlis ialah Ketua Whip MBJB, Setiausaha MBJB, Timbalan Setiausaha dan Pengarah Pembangunan Masyarakat. Juara pertandingan telah membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM 2,000.00 berserta piala dan sijil dan turut memenangi kategori Persembahan Terbaik.

Naib Juara membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM1,500.00 berserta piala dan sijil dan turut memenangi kategori Nyanyian Tradisional Terbaik. Tempat ketiga pula memenangi wang tunai RM 1,000.00 manakala hadiah saguhati berjumlah RM 200.00 turut dibawa pulang oleh empat orang peserta pertandingan tersebut.



SESI TAKLIMAT KEMAJUAN PROJEK ISKANDAR MALAYSIA 'BUS RAPID TRANSIT' & PANDU UJI KENDERAAN 'AUTOMATED RAPID TRANSIT'



16 September 2021 – Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru bersama pihak Iskandar Regional Development Authority dalam sesi Taklimat Kemajuan Projek Iskandar Malaysia Bus Rapid Transit (IMBRT) dan Pandu Uji Kenderaan Automated Rapid Transit (ART) di pusat bandar Johor Bahru. IMBRT merupakan salah satu projek yang dijangkakan dapat memberikan penyelesaian jangka panjang terhadap isu kesesakan lalu lintas dan keterangkuman mobiliti yang disebabkan oleh pertumbuhan penduduk dan perkembangan ekonomi semasa.

SESI 'WALKABOUT' KE TAPAK PERNIAGAAN 'FOOD TRUCK' DI TEBRAU



17 September 2021 - Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru mengiringi YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan dalam sesi 'walkabout' ke tapak perniagaan 'Food Truck' di Tebrau, Johor Bahru. Hadir sama, YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas dan Kemajuan Luar Bandar, YB Dato' Haji Salehuddin bin Haji Hassan, Pegawai Kewangan Negeri, Ahli Parlimen Tebrau, Ahli Majlis Setia Austin dan pegawai-pegawai kerajaan lain.

KILAS LeR

BUAL BICARA DATUK BANDAR BERSAMA PIHAK RADIO TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)



29 September 2021 - YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru telah ditemubual oleh pihak Radio Televisyen Malaysia (RTM) dalam sesi bual bicara berkenaan perancangan beliau dalam pentadbiran, wilayah dan organisasi ini seiring Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12). Antara perkara yang disentuh dalam bual bicara ini adalah mengenai Pelan Strategik MBBJ 2021-2025, Johor Bahru Low Carbon Society Action Plan 2025, Johor Bahru Smart City Framework 2030, cabaran sosioekonomi ketika pandemik COVID-19, pemerkasaan komuniti digital dan sebagainya.

WACANA SASTERA 'FORENSIK PANTUN : KEBIJAKSANAAN BANGSA MELAYU DALAM KURIK KUNDI MERAH SAGA.



5 Oktober 2021 – Sebuah sesi ilmu berjudul 'Forensik Pantun: Kebijaksanaan Bangsa Melayu Dalam Kurik Kundi Merah Saga' telah diadakan secara langsung dalam talian melalui aplikasi Webex dan Facebook kepada anggota Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Masyarakat Melayu menggunakan pantun dalam menyampaikan mesej. Pantun mempunyai unsur tersurat dan tersirat kepada masyarakat. Inilah kebijaksanaan orang Melayu dalam titipan kasih sayang, adat, adab, budi dan perpaduan. Pantun dibina dengan teliti sehingga unsur sains dan alam menjadi sebahagian daripada elemen yang sentiasa wujud dalam pantun.

MAJLIS PERASMIAN FOCUS GROUP DISCUSSION , PELAN INDUK LANDSKAP MBBJ 2022 – 2032



7 Disember 2021 - Majlis Perasmian Focus Group Discussion (FGD) Pelan Induk Landskap MBBJ 2022 - 2032 telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru di Menara MBBJ. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Pn. Hajah Rotina binti Mohd Daik, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara. FGD diadakan sebagai 'platform' sumbangsaran untuk mendapatkan idea dan pandangan daripada agensi lain, badan bukan kerajaan dan orang ramai. Proses pendokumentasian Pelan Induk Landskap MBBJ telah mencapai 75% proses penyiapan. Proses ini dimulakan dengan beberapa siri perbincangan jabatan dalaman, kajian lapangan dan pengumpulan data sebelum dapat dibentuk sebagai modul dalam Pelan Induk Landskap.

AUDIT PEMANTAUAN SIRIM QAS INTERNATIONAL



8 - 9 Disember 2021 - Audit Pemantauan (Surveillance) ISO 9001: 2015 telah dijalankan di Majlis Bandaraya Johor Bahru oleh pasukan Audit SIRIM QAS International Sdn. Bhd. iaitu Tuan Syed Faddy bin Syed Bahrudin merangkap Ketua Pasukan Audit berserta dua Juruaudit, Encik Zulkifli bin Abdullah dan Encik Wan Khairul Anuar bin Wan Ali. Skop pengauditan ke atas MBBJ adalah 'Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Bandaraya Johor Bahru' (merangkumi perkhidmatan utama dan sokongan Kerajaan Tempatan) - melibatkan Jabatan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Perbandarharaan, Jabatan Pelesenan, Jabatan Kesihatan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Jabatan Pengangkutan Bandar, Bahagian Audit dan Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam.



PELANCARAN KEBUN BANDAR BERSEMPENA SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA PERINGKAT NEGERI JOHOR

Pada 5 Disember 2021, Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menerima pengiktirafan Anugerah Bandar Mampan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor di Majlis Pelancaran Kebun Bandar Bersempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Johor Tahun 2021. Tahniah diucapkan!.



Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YAB Dato' Haji Hasni bin Mohammad, Menteri Besar Johor, di Kebun Bandar Taman Impian Emas, Johor Bahru. Kebun Bandar merupakan aktiviti pertanian yang dilaksanakan di kawasan bandar, khususnya di tanah rizab kerajaan yang belum dibangunkan, tanah kosong dan kawasan bangunan terbengkalai. Pelaksanaan Kebun Bandar ini selaras dengan agenda Johor Tani, yang melibatkan sektor industri makanan, jaminan kualiti dan sekuriti makanan.





'THE GREATER JB' 4 PBT DI JOHOR BAKAL REALISASI KERJASAMA STRATEGIK



Buat julung kalinya, sebuah sesi pertemuan yang dihadiri oleh Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pasir Gudang dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai telah diadakan pada 8 Disember 2021 lalu, bagi memulakan langkah merealisasikan aspirasi 'The Greater JB' iaitu suatu kerjasama strategik yang akan diwujudkan dan menjadi tonggak pembangunan negeri Johor khasnya bandar raya Johor Bahru.

Melalui kerjasama yang bakal diwujudkan ini, kesemua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Johor Bahru bersama Majlis Perbandaran Kulai akan bergerak sehaluan dalam perancangan pembangunan serta urus tadbir berasaskan permuafakatan yang kukuh dan konsisten.

Johor Bahru merupakan pintu masuk selatan tanah air dan sudah tiba masanya untuk warga bandar raya ini mentransformasi Johor Bahru sebagai sebuah bandar metropolis, iaitu sebuah bandar yang menjadi pusat ekonomi yang signifikan, berbudaya dan mempunyai hubungan penting yang bersifat serantau mahupun antarabangsa.





Pemberian Bakul Makanan, Zon Desa Cemerlang
Tarikh: 2 September 2021



Penyerahan Sumbangan Sempena Hari Malaysia di
Dewan Kg. Melayu
Tarikh: 20 September 2021



Program 'Search and Destroy' (SND),
Zon Mount Austin
Tarikh: 3 Oktober 2021



Pengagihan Pelitup Muka, Zon Austin Duta
di Taman Mount Austin dan Taman Impian Jaya
Tarikh: 9 Oktober 2021



Pemberian Makanan Basah, Zon Stulang
di Restoran Sayam Stulang Laut
Tarikh: 25 September 2021



Penyerahan Bakul Makanan,
Zon Desa Cemerlang
Tarikh: 26 September 2021



PROG ZON AHLI MA





Program Mahir Membaca, Zon Kempas di PPR Kempas Permai
Tarikh: 30 Oktober 2021



Program 'Search and Destroy' (SND), Zon Bandar Baru Uda di Flat Serantau
Tarikh: 23 Oktober 2021



Program Pengindahan Pantai Stulang, Zon Stulang di Parkir Hotel Berjaya Waterfront Stulang Laut
Tarikh: 23 Oktober 2021



RAM AJLIS & LA21



Program Mahir Membaca, Zon Kempas di PPR Kempas Permai
Tarikh: 23 Oktober 2021



Pengagihan Bakul Makmur dan Lawatan Kerja, Zon Bandar Tiram di Dewan Raya Taman Bukit Tiram
Tarikh: 15 Oktober 2021



Pengagihan Bakul Makmur, Zon Desa Cemerlang di Dewan Raya Taman Desa Jaya
Tarikh: 15 Oktober 2021





LAWATAN KERJA YB DATUK BANDAR, AHLI MAJLIS & KETUA JABATAN MBJB KE MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS, PAHANG

Pada 15 Disember 2021, YB Datuk Bandar, Ahli-Ahli Majlis dan ketua-ketua jabatan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) berkesempatan membuat lawatan kerja ke Majlis Daerah Cameron Highlands (MDCH), Pahang. Objektif diadakan lawatan kerja seumpama ini bagi mengeratkan hubungan dan kerjasama antara Ahli Majlis dan pengurusan tertinggi MBJB di samping mewujudkan perkongsian pintar tentang input terkini dan terbaharu mengenai kaedah pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan di negeri yang lain bagi tujuan peningkatan impak dan kualiti kerja.

Mesyuarat Pengurusan Bandar Raya Johor Bahru Bil. 11/2021 turut diadakan di Hotel Copthorne, Cameron Highlands pada 14 Disember 2021 iaitu hari pertama sebelum sesi lawatan. Delegasi juga berkesempatan berkunjung ke lokasi menarik di Cameron Highlands seperti Big Red Strawberry Park, Ladang Teh Boh, Kea Farm dan sebagainya.

Pada 16 Disember 2021 iaitu hari terakhir lawatan, telah diadakan perlawanan golf persahabatan antara peserta lawatan dari MBJB dan anggota dari MDCH di Padang Golf Sultan Ahmad Shah.





PERASMIAN PUSAT KOMUNITI KAMPUNG BAKAR BATU JOHOR BAHRU

Pada 19 Disember 2021, YAB Dato' Haji Hasni bin Mohammad, Menteri Besar Johor telah merasmikan Pusat Komuniti Kampung Bakar Batu di Dewan Muafakat, Kampung Bakar Batu, Johor Bahru. Turut hadir di majlis tersebut ialah YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, Datuk Bandar Johor Bahru, barisan Ahli Majlis MBBJ serta pemimpin masyarakat setempat. YAB Menteri Besar Johor turut berkesempatan menyampaikan bantuan persekolahan kepada 60 orang murid Sekolah Kebangsaan Tebrau Bakar Batu dalam majlis tersebut.

Pusat komuniti ini telah mula dibangunkan pada 19 Februari 2018 dan siap sepenuhnya pada 31 Ogos 2020 dengan kos keseluruhan sebanyak RM 7.69 juta. Pusat Komuniti Kampung Bakar Batu ini unik kerana terdiri daripada beberapa komponen iaitu Dewan Muafakat, Rumah Kelab Bola Sepak dan Padang Bola Sepak Kampung Bakar Batu. Selain itu, pusat komuniti ini juga dilengkapi dengan fasiliti yang sesuai untuk penonton yang hadir menyaksikan perlawanan bola sepak dan acara sukan di sini.





'MBJB ART Rides' di Nusajaya
Tarikh: 16 September 2021



**Lawatan YAB Menteri Besar Johor ke Pusat Vaksinasi,
Dewan Perbadanan Islam, Kebun Teh**
Tarikh: 11 September 2021



**Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Majlis
Bandaraya Johor Bahru**
Tarikh: 28 Oktober 2021



Ops Selamatkan Gelandangan Sekitar Bandar Raya
Tarikh: 22 September 2021



**Majlis Yasin & Tahliil Datuk Bandar Bersama
Ketua Jabatan MBJB**
Tarikh: 30 September 2021

MBJB SANA



**Lawatan Datuk Bandar ke Bazar Deepavali
di Jalan Ungku Puan**
Tarikh: 24 Oktober 2021



**Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman
Kios Bacaan Komuniti antara Majlis Bandaraya
Johor Bahru Bersama 'Rotary Club of Johor Bahru
Sentral' dan 'Happy-Riders Connect'**
Tarikh: 28 Oktober 2021



Majlis Khatam Al-Quran Pusanita MBBJ
Tarikh: 22 Disember 2021



Perasmian Laman Hijau oleh Pusanita Negeri Johor
Tarikh: 20 Disember 2021



Mesyuarat Agung Koperasi MBBJ
Tarikh: 23 Disember 2021



Konvoi Integriti PBT Johor
Tarikh: 17 Disember 2021

SINI



Diskusi Ilmu Darul Ta'zim dan Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Citra Mural Gemilang Johor
Tarikh: 18 November 2021



Mesyuarat Penuh (Full Council) Majlis Bandaraya Johor Bahru
Tarikh: 28 Oktober 2021



Pemeriksaan Kesihatan Anggota Majlis Bandaraya Johor Bahru di Klinik Bandaraya
Tarikh: 15 November 2021



50 ANGGOTA SOUTHERN VOLUNTEERS MBBJ SERTAI MISI BANTUAN BANJIR



Menjunjung titah DYAM Tunku Ismail Ibrahman bin Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor, berkenaan bantuan bencana banjir melibatkan *Southern Volunteers*. Seramai 50 sukarelawan *Southern Volunteers* Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah digerakkan dengan bantuan keperluan barangan, peralatan serta jentera untuk membantu mangsa banjir yang terjejas di Selangor, bermula 22 Disember 2021 hingga 25 Disember 2021.

Seluruh warga kerja MBBJ menzahirkan dukacita atas musibah yang dihadapi oleh mangsa-mangsa banjir serta mendoakan agar mangsa yang terlibat diberikan kekuatan dan ketabahan dalam menghadapi situasi bencana ini.

Sekitar...Misi Bantuan Banjir *Southern Volunteers* ke Shah Alam, Selangor.

YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru, bersama-sama Tuan Haji On bin Jabbar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor merangkap Ketua Pegawai Eksekutif SUKMA Johor, turut berkesempatan bersama barisan sukarelawan ini di Dataran Bandaraya Johor Bahru sebelum menyaksikan mereka bergerak ke lokasi yang terlibat. MBBJ turut menyediakan bantuan keperluan logistik seperti jentera iaitu dua buah lori tangki air, dua buah lori 'crew cab', sebuah lori kren, dua buah lori 'RORO', lima buah kenderaan pacuan empat roda dan van penumpang serta peralatan seperti waterjet, generator, mesin 'blower' dan peralatan-peralatan pembersihan yang lain.





PELANCARAN SKUAD KILAT MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Dalam usaha berterusan menangani isu dan aduan-aduan awam kecemasan di kawasan bandar raya ini, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah melancarkan Skuad Kilat MJB pada 30 Disember 2021.

Menurut YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru, Skuad Kilat MJB merupakan 'first responder' terhadap aduan-aduan awam yang bersifat kecemasan dan kejadian bencana alam di kawasan pentadbiran MJB. Sesuatu aduan awam misalnya, yang bersifat kecemasan di kawasan MJB adalah seperti pokok tumbang, banjir kilat, kejadian tanah runtuh dan struktur runtuh, jalan berlubang, aduan pencemaran alam sekitar serta aduan kecemasan lain dan bencana dalam kawasan pentadbiran MJB yang memerlukan tindakan pantas dan segera.

Skuad Kilat boleh memberikan khidmat bantuan tenaga anggota, jentera, kenderaan, fasiliti dewan dan bangunan, khidmat kemasyarakatan, logistik dan lain-lain lagi sekiranya diperlukan oleh jawatankuasa ini bagi menghadapi situasi bencana alam di daerah ini. Tambahan lagi, Skuad Kilat MJB juga berfungsi sebagai satu unit yang akan menyalurkan bantuan kemanusiaan yang diperlukan sekiranya berlaku bencana di luar sempadan pentadbiran MJB sebagai salah satu tanggungjawab sosial yang dijalankan dari semasa ke semasa.

Turut hadir menerima Sijil Penghargaan Rakan Operasi Skuad Kilat hari ini ialah IPD Johor Bahru Selatan, IPD Johor Bahru Utara, IPD Seri Alam, BOMBA Daerah Johor Bahru, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Daerah Johor Bahru, Jabatan Kerja Raya Daerah Johor Bahru, Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Johor Bahru, SW Corp, SWM Environment Sdn. Bhd., Selia Selenggara Selatan Sdn. Bhd., Teto Engineering Sdn. Bhd., Safwa Global Sdn. Bhd., Tenaga Nasional Berhad, SAJ Ranhill Sdn. Bhd. dan Southern Volunteers.



MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN

Memberikan Perkhidmatan Pelanggan Yang Efisien Dan Mesra Kepada Pelanggan

JADUAL WAKTU URUSAN PEJABAT MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

MENARA MBBJ, PEJABAT JALAN DATO' ONN & JOTIC

HARI	JAM
AHAD - RABU	8.00 PAGI - 5.00 PETANG
KHAMIS	8.00 PAGI - 3.30 PETANG
WAKTU REHAT	1.00 TENGAH HARI - 2.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

KAUNTER SETEMPAT (PEJABAT JALAN DATO' ONN)

HARI	JAM
AHAD - RABU	8.00 PAGI - 5.00 PETANG
KHAMIS	8.00 PAGI - 3.30 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

PEJABAT CAWANGAN PERMAS JAYA

HARI	JAM
AHAD - RABU	9.00 PAGI - 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI - 1.00 TENGAH HARI
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

PEJABAT CAWANGAN JOHOR JAYA

HARI	JAM
AHAD - RABU	9.00 PAGI - 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI - 3.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC) GALLERIA@KOTARAYA

HARI	JAM
AHAD - KHAMIS	8.00 PAGI - 5.00 PETANG
JUMAAT & SABTU	8.00 PAGI - 5.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

TERTAKLUK KEPADA PINDAAN

SISTEM PENDAFTARAN MEMASUKI PREMIS KAUNTER MBBJ CAWANGAN UTC JOHOR



<https://tqpl.mbjb.gov.my/linemara06.php>

- IMBAS
- DAFTAR

INFO

#siasatf mengurangkan risiko jangkitan covid-19
#Contact tracing
#Ringkas Mudah Selamat
#Kajipagi
#SinarMB

SISTEM PENDAFTARAN MEMASUKI PREMIS MENARA MBBJ



<https://tqpl.mbjb.gov.my/linemara1>

- IMBAS
- DAFTAR

INFO

#siasatf mengurangkan risiko jangkitan covid-19
#Contact tracing
#Ringkas Mudah Selamat
#Kajipagi
#SinarMB

SISTEM PENDAFTARAN MEMASUKI PREMIS KAUNTER PEJABAT DATO ONN MBBJ



<https://tqpl.mbjb.gov.my/linemara03.php>

- IMBAS
- DAFTAR

INFO

#siasatf mengurangkan risiko jangkitan covid-19
#Contact tracing
#Ringkas Mudah Selamat
#Kajipagi
#SinarMB

SISTEM PENDAFTARAN MEMASUKI PREMIS KAUNTER SETEMPAT MBBJ



<https://tqpl.mbjb.gov.my/linemara02.php>

- IMBAS
- DAFTAR

INFO

#siasatf mengurangkan risiko jangkitan covid-19
#Contact tracing
#Ringkas Mudah Selamat
#Kajipagi
#SinarMB

SISTEM PENDAFTARAN MEMASUKI PREMIS KAUNTER MBBJ CAWANGAN PERMAS JAYA



<https://tqpl.mbjb.gov.my/linemara05.php>

- IMBAS
- DAFTAR

INFO

#siasatf mengurangkan risiko jangkitan covid-19
#Contact tracing
#Ringkas Mudah Selamat
#Kajipagi
#SinarMB

SISTEM PENDAFTARAN MEMASUKI PREMIS KAUNTER MBBJ CAWANGAN JOHOR JAYA



<https://tqpl.mbjb.gov.my/linemara04.php>

- IMBAS
- DAFTAR

INFO

#siasatf mengurangkan risiko jangkitan covid-19
#Contact tracing
#Ringkas Mudah Selamat
#Kajipagi
#SinarMB



MENARA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
No. 1, Jalan Lingkaran Dalam,
Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru,
Johor Darul Ta'zim.



07 - 219 8000



07 - 223 0619



1-300-88-0146



019-778 8212



www.mbjb.gov.my



mbjb.spab.gov.my



info@mbjb.gov.my



www.facebook.com/mbjbrasmi



[mbjbrasmi](https://www.instagram.com/mbjbrasmi)

ISSN 2637-1014

